

CONTOH SOALAN UJIAN BULANAN BAHASA MELAYU TAHUN 3

15 SOALAN OBJEKTIF

Soalan Objektif

1. Asyraf membeli beg sekolah dan alat tulisnya di _____. (**Aras Pengetahuan**)
 - a) kedai
 - b) kilang
 - c) bengkel
 - d) perpustakaan

2. Kamal dan rakan-rakannya memang gemar mandi di _____ kerana airnya yang jernih dan menyegarkan. (**Aras Kefahaman**)
 - a) paya
 - b) sawah
 - c) sungai
 - d) kolam renang

3. Ahmad _____ basikal itu dengan berhati-hati kerana bimbang berlakunya kemalangan jalan raya. (**Aras Kefahaman**)
 - a) memandu
 - b) mengayuh
 - c) menuggang
 - d) membonceng

4. Siti merupakan seorang gadis yang bersopan santun. (**Aras Aplikasi**)

Perkataan yang bergaris sesuai digantikan dengan:

 - a) baik
 - b) kemas
 - c) hormat
 - d) lemah lembut

5. Pilih ayat yang menggunakan kata kerja dengan betul. (**Aras Aplikasi**)

- i. Ibu memasak air di dapur
- ii. Ahmad menuggang seekor kuda yang berwarna putih
- iii. Hobi Asyraf adalah berenang di pusat renang yang berhampiran
- iv. Kamalia sedang melukis gambar pemandangan di kawasan bukit itu

- a) i,ii dan iii
- b) i,ii dan iv
- c) ii,iii, dan iv
- d) i,iii, dan iv

6. Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai. (**Aras Analisis**)

Musa merupakan seorang kanak-kanak yang _____ dan _____ jika hendak dibandingkan dengan rakan sebayanya yang lain hinggakan dia tidak menggunakan kerusi untuk mengambil barang di tempat yang tinggi.

- a) besar dan kecil
- b) tinggi dan besar
- c) segak dan pendek
- d) kurus dan pendek

7. Pilih perkataan yang seerti dengan perkataan bergaris di bawah. (**Aras Aplikasi**)

Ain dan Suraya merupakan kawan karib sejak mereka kecil lagi.

- a) jauh
- b) tetap
- c) rapat
- d) biasa

8. Pilih perkataan yang berlawanan dengan perkataan yang bergaris. (**Aras Aplikasi**)

Datuk menyimpan koleksi barangan antiknya dalam sebuah bilik khas di rumahnya.

- a) baru
- b) buruk
- c) cantik
- d) moden

9. Pilih jawapan yang paling sesuai. **(Aras Aplikasi)**

_____ yang merasmikan bangunan sekolah itu?

- a) apakah
- b) bilakah
- c) siapakah
- d) manakah

10. Pilih penggunaan ayat soal yang sesuai. **(Aras Analisis)**

Abu: Ali, _____ kamu membeli kasut sukan itu?

Ali : Kasut ini saya beli di kedai Al- Ikhsan Alor Star.

- a) bilakah
- b) siapakah
- c) berapakah
- d) dimanakah

11. Pilih pernyataan soalan yang tepat. **(Aras Sintesis)**

- i. "Apakah yang kamu buat itu, Nani?"
- ii. Bilakah negara kita mencapai kemerdekaan?
- iii. Siapakah perdana menteri Malaysia yang kedua?
- iv. Apakah umur kanak-kanak mengambil peperiksaan UPSR?

- a) i,ii, dan iii
- b) i,ii, dan iv
- c) ii,iii, dan iv
- d) i,ii, dan iv

12. Lengkapkan ayat tunggal di bawah dengan perkataan yang sesuai. **(Aras Aplikasi)**

Pak Samad bersarapan pagi ___ sebuah warung berdekatan dengan rumahnya.

- a) di
- b) bila
- c) pada
- d) mana

13. Pilih pernyataan ayat tunggal yang tepat. **(Aras Analisis)**

- i. Kamal membeli sebuah kereta baharu
- ii. Adik sedang menyiapkan kerja rumahnya
- iii. Ayah sedang memotong rumput di halaman rumah
- iv. Ali dan Abu mengail di sungai belakang rumah mereka

- a) i,ii, dan iii
- b) i,ii, dan iv
- c) i,iii dan iv
- d) ii,iii dan iv

14. Pilih maksud peribahasa yang paling sesuai. **(Aras Sintesis)**

“ Bagaikan ketam mengajar anaknya berjalan”

- a) Anak kurang didikan yang betul
- b) Menunjukkan contoh yang baik kepada anak
- c) Ayah mengajar anak yang tidak pandai berjalan
- d) Mengajar anak pekara yang betul sedangkan diri sendiri tidak melakukannya

15. Pilih peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi berikut. **(Aras Penilaian)**

“ Saiful dan Fazli merupakan sahabat baik sejak kecil lagi. Bahkan jika kemana-mana pun mereka pasti akan pergi bersama”

- a) Bagaikan buku bertemu ruas
- b) Bagaikan aur dengan tebing
- c) Bagai katak dibawah tempurung
- d) Bagaikan enau dalam belukar, melepaskan duri masing-masing

5 SOALAN SUBJEKTIF

Soalan Subjektif

1. Sila bina 3 ayat yang menggunakan kata hubung dengan tepat. (**Aras Sintesis**)

i. _____

ii. _____

iii. _____

2. Sila bina 4 ayat majmuk dengan tepat. (**Aras Sintesis**)

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

3. Sila lengkapkan dialog di bawah dengan menggunakan ayat tanya yang sesuai. (**Aras Analisis**)

Lila : Selamat pagi Amber.

Amber: Selamat pagi Lila. _____?

Lila : Saya sihat sahaja. _____?

Amber: Owh, saya ingin ke pekan sebentar. Ada urusan di bank. _____?

Lila : Saya ingin menemani ibu saya ke pasar untuk membeli bahan mentah bagi makan tengah hari nanti.

Amber: _____?

Lila : Bukan saya yang memasak Amber tapi ibu saya.

Amber: Baiklah Lila. Saya pergi dahulu Lila. Jumpa lagi esok. Selamat tinggal.

Lila : Selamat tinggal Amber.

